

02 SEP 1998

NAM-Malaysia

NEGARA-NEGARA BERKECUALI YAKIN MALAYSIA PULIH

Oleh: E Sivabalan

DURBAN, 2 Sept (Bernama) -- Negara-negara berkecuali telah menyatakan keyakinan mereka bahawa Malaysia akan pulih daripada kegawatan ekonominya berasaskan kepada asas ekonominya yang kukuh dan kestabilan politiknya, kata Menteri Luar Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Beliau berkata daripada mahlum balas yang beliau terima daripada rakan-rakan sejawatannya dalam beberapa perbincangan sampingan mesyuarat para menteri luar Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM) di sini, Malaysia sedang menuju kepada pemulihan ekonominya.

"Mereka yakin kita akan pulih," katanya kepada wartawan Malaysia pada akhir mesyuarat itu yang berlangsung sebelum sidang kemuncak para pemimpin NAM yang bermula hari ini.

Abdullah mewakili Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada sidang kemuncak dua hari itu yang akan turut membincang krisis ekonomi yang sedang melanda banyak negara Afrika dan Asia.

Ketua-ketua negara dan kerajaan daripada 114 negara anggota hadir pada sidang kemuncak itu yang dirasmikan oleh Presiden Afrika Selatan Nelson Mandela.

Abdullah berkata maklum balas itu beliau dapati daripada beberapa perbincangan dua hala dengan rakan-rakan sejawatannya daripada Pakistan, Ukraine, Yemen, dan wakil khas Jepun.

Katanya, mereka telah menunjukkan keprihatinan terhadap masalah yang sedang dihadapi Malaysia yang disebabkan oleh spekulator matawang.

Beliau berkata mereka juga ingin sama ada Dr Mahathir tidak dapat hadir pada sidang kemuncak itu disebabkan oleh "masalah besar" di Malaysia.

Abdullah berkata beliau memberitahu mereka bahawa Perdana Menteri terpaksa memberi tumpuan kepada perkara-perkara berkaitan dengan usaha-usaha untuk memulihkan ekonomi negara.

"Saya memberitahu bahawa itu adalah yang paling diutamakan oleh beliau (Dr Mahathir, dan itulah sebabnya beliau tidak dapat hadir." katanya.

Beliau berkata mereka bersetuju bahawa untuk pulih sepenuhnya, apa yang penting ialah bagi Malaysia mengekalkan asas-asas yang kukuh dan kestabilan politik.

Abdullah berkata tidak satupun negara berkecuali yang membantah hasrat Malaysia menduduki kerusi Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu bagi tempoh 1999/2000.

"Mereka memberi sokongan kepada kita," kata beliau.

Mengenai Kemboja, Abdullah berkata beliau berharap untuk menemui rakan-rakan sejawatannya dari Asean pada sidang kemuncak itu untuk membincangkan bila Phnom Penh akan diterima masuk ke dalam perkumpulan serantau itu memandangkan sekarang pilihanraya di negara itu sudahpun berakhir.

Katanya buat masa sekarang, Kemboja tidak boleh diterima masuk ke dalam Asean kerana mereka belum lagi menubuhkan kerajaan.

"Bagaimana kita hendak menerima mereka sedangkan mereka masih belum menubuh kerajaan?" katanya.

Abdullah berkata seperti juga Malaysia, Jepun juga mahu melihat pertelingkahan antara dua pihak di Kemboja dihentikan supaya mereka dapat tubuhkan kerajaan.

Katanya Jepun juga menyambut baik pelantikan Tan Sri Razali Ismail, bekas Wakil Tetap Malaysia ke PBB, sebagai Wakil Khas Setiausaha Agung PBB ke Myanmar.

Mengenai dokumen akhir Sidang Kemuncak NAM, Abdullah berkata ia hampir siap dan akan dibentangkan kepada ketua-ketua kerajaan hari ini untuk dibincangkan.

--BERNAMA

ES WAT